

19 MAR 2002

Abdullah-Janji

MAJORITI KAKITANGAN AWAM SUDAH TANDATANGANI AKUJANJI

PUTRAJAYA, 19 Mac (Bernama) -- Majoriti kakitangan awam telah menandatangani dokumen ajujanji dan kerajaan setakat ini tidak mendapat sebarang tentangan kakitangan yang telah menandatangani, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini.

Timbalan Perdana Menteri berkata bahawa yang selebihnya belum menandatangani akujanji itu kerana menunggu masa bagi mereka berbuat demikian.

"Ada masa sampai hujung Mac dan saya fikir semua kakitangan kerajaan akan menandatangani dokumen ini tanpa menimbulkan apa-apa masalah," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan di pejabatnya di sini.

Kesemua 900,000 kakitangan awam dikehendaki menandatangani akujanji itu sebagai tanda kesetiaan dan berkelakuan baik semasa menjalankan tugas. Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan semua anggota kabinetnya turut menandatangani akujanji itu.

Abdullah juga berkata mesyuarat hari ini diberitahu bahawa aduan orang ramai terhadap jabatan dan kementerian kerajaan telah menurun.

"Ini bermakna kita semakin berjaya dalam usaha untuk mendekati rakyat dan khidmat yang diberi telahpun diperbaiki," katanya.

Abdullah berkata selain daripada Program Sehari Bersama Pelanggan yang dianjurkan oleh jabatan dan kementerian, penambahan kaunter untuk memberi khidmat kepada rakyat juga menyumbang kepada pengurangan aduan-aduan tersebut.

Orang ramai juga telah mula menggunakan e-mel untuk mengemukakan aduan dan kaedah ini telah sedikit sebanyak menjimatkan masa pegawai-pegawai yang meneliti aduan-aduan itu.

Beliau juga berkata Badan Pencegah Rasuah telah menerima 226 aduan mengenai salah laku pegawai penguatkuasa undang-undang dan daripada aduan-aduan itu, 190 tangkapan telah dibuat.

"BPR sekarang mengambil tindakan terhadap penguatkuasa undang-undang seperti polis, pihak berkuasa tempatan, Jabatan Pengangkutan Jalan, Jabatan Imigresen dan Jabatan Kastam Diraja dan kita rasa ini perlu kerana pegawai-pegawai penguatkuasa undang-undang perlulah bersih dalam menjalankan kewajipan mereka," katanya.

-- BERNAMA

SR AHH MAI